

'Regu untuk majukan negara'

BM 22 FEB 1987

Oleh SARING SIRAJ

TANJUNG KARANG, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba hari ini mengakui wujudnya regu antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengannya tetapi ia semata-mata untuk kemajuan parti dan kerajaan bukannya kerjasama atau regu menjatuhkan orang lain. "Kami bekerjasama antara satu sama lain untuk kepentingan bangsa serta memajukan rakyat dan negara, bukan untuk memusuhi atau menjatuhkan orang lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persi-

dangan Perwakilan Umno Bahagian Tanjung Karang di sini.

Beliau menegaskan, kerajaan negara ini adalah kerajaan berparti sebab itu sesiapa sahaja menjadi ketua parti, dialah juga menjadi ketua kerajaan.

Katanya, ketua parti itu membuat dasar dan melaksanakannya dalam kerajaan.

"Pada pendapat saya cara ini lebih baik daripada ketua parti bukan ketua kerajaan atau sebaliknya dan ini sudah diamalkan di negara kita sejak empat Perdana Menteri yang masing-masing menjadi ketua parti dan ketua kerajaan," katanya.

Menurut beliau, masalah mungkin timbul sekiranya ketua parti tidak dapat menerajui kerajaan kerana dasar yang diputuskan oleh parti tidak dapat

dilaksanakan oleh kerajaan.

Ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan bertanding Timbalan Presiden dalam Perhimpunan Agung Umno April ini, Encik Ghafar berkata masanya masih lama untuk membuat keputusan kerana tarikh tutup pencalonan juga masih lama.

"Saya masih belum membuat keputusan mengenai perkara ini kerana masanya masih lama dan tidak perlu berterus terang kerana negara ini mengamalkan dasar demokrasi. Terseorahlah kepada seseorang sama ada ingin menjelaskan pendiriannya secara berterus terang atau sebaliknya," katanya.

Menurut Encik Ghafar, Malaysia beruntung kerana sejak merdeka sesiapa sahaja menjadi ketua parti secara au-

tomatik mengetuai kerajaan dan oleh itu apa sahaja dasar yang dibuat oleh parti dapat dilaksanakan.

Katanya, sama ada dalam kerajaan atau tidak, beliau akan terus memberi sokongan kepada parti dan kerajaan yang memperjuangkan kemajuan rakyat dan negara.

Encik Ghafar juga berkata menjelang 1990 keahlian Umno akan mencapai dua juta berdasarkan kepada keahlian sekarang yang sudah mencapai angka 1.7 juta termasuk mereka dari Sabah.

Tetapi katanya ahli yang ramai tidak bermakna sekiranya mereka menyeleweng daripada perjuangan parti. Sebaliknya nilai lebih penting daripada jumlah keahlian yang ramai.